NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM

TARIKH : 24 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif pengangkutan awam yang disusun dan digerakkan secara cekap, pantas, berkesan dan terancang demi golongan sasar menerima faedahnya di kawasan Iskandar Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut maklumat daripada Iskandar Regional Development Authority (IRDA), pihaknya telah menjalankan kajian Pelan Induk Pengangkutan Iskandar Malaysia 2010 – 2030 pada tahun 2010. Kajian ini telah mengenal pasti, antara lain, bahawa Bas Rapid Transit (BRT) merupakan penyelesaian jangka panjang terhadap permintaan pengangkutan awam darat di Iskandar Malaysia. Sistem pengangkutan BRT ini akan memperluaskan cakupan rangkaian perkhidmatan bas daripada 39% sekarang kepada 90% daripada kawasan Iskandar Malaysia dan kos perkhidmatan adalah dijangkakan berpatutan untuk rakyat negeri ini.

2. Sistem BRT diberi keutamaan sebagai sistem pengangkutan awam bagi Iskandar Malaysia (IM) berdasarkan faktor-faktor berikut:

    a. Kepadatan penduduk IM berada di tahap lebih rendah berbanding Lembah Klang (1,400 orang per km persegi berbanding 6,800 di Lembah Klang). Oleh itu, "*ridership demand*" yang munasabah untuk pengangkutan awam IM adalah di paras 4,500 penumpang per jam sehala.
    [Nota: Sistem LRT atau MRT memerlukan justifikasi penumpang sekurang-kurangnya 20,000 - 30,000 penumpang per jam sehala]

    b. Kos pembinaan BRT adalah kurang dari 1/10 berbanding LRT atau MRT. Sistem in sangat fleksibel dan mampu dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

    c. Kos operasi BRT juga adalah sangat rendah berbanding kos operasi LRT atau MRT, lantas dapat memberikan perkhidmatan pada kadar yang berpatutan kepada pengguna.

d. Perkhidmatan bas meliputi 90% kawasan Iskandar Malaysia (melalui perkhidmatan di laluan *trunk*, *direct* dan *feeder*) dapat mengurangkan masa perjalanan dengan purata frekuensi 15-20 minit.

Sekian, terima kasih.